



# 2 maut, 20 parah

SEBAHAGIAN pelancong warga India diberi rawatan kecemasan selepas terlibat dalam kemalangan di KM4.5 Jalan Genting Highlands - Kuala Lumpur, semalam. Dalam kejadian jam 8.15 pagi itu, dua penumpang maut dan 20 parah apabila bas persiaran yang mereka naiki terbabas dan terbalik.

B/H 6/3/12 M51

# Brek disyaki punca kemalangan

## Bas dinaiki bersama 20 rakan terbalik ketika turun dari Genting Highlands

B/H 6/3/12 MS 14.

SAIRIEN NAFIS | BERITA HARIAN

Oleh Safeek Affendy Razali  
dan Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bharian.com.my

**B**ENTONG: Dua pelancong warga India maut selepas bas ekspres yang mereka naiki bersama 20 rakan senegara terbabas sebelum terbalik ketika menuruni bukit di Kilometer 4.5, Jalan Genting Highlands-Kuala Lumpur, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 7.55 pagi, bas Star Mart Express yang membawa pelancong dari Kashmir, India itu dikatakan hilang kawalan dipercayai selepas mengalami masalah pada sistem brek sebelum melanggar penghadang jalan dan terbalik di laluan bertentangan.

Anita Aggarwal, 59, mati di tempat kejadian akibat kecederaan serius dipercayai selepas kepalanya tersepit pada bahagian badan bas, manakala mangsa lelaki, Rajendra Kumar Agarwal, 67, mati dalam perjalanan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Dua puluh penumpang lain cedera dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Selangor (HS). Sebelas daripada mereka dirawat di HKL, manakala sembilan lagi di HS.

Difahamkan, semua mangsa terabit tiba di pusat peranginan Genting Highlands, Sabtu lalu dan pagi semalam berlepas untuk ke ibu negara sebelum menuju Singapura.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Mohd Yusri Hassan Basri, berkata pemandu dan pemandu simpanan bas ekspres itu yang hanya cedera ringan kini ditahan untuk disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu memandu dalam keadaan berbahaya hingga mengakibatkan kematian selain bagi mem-



**ANGGOTA penyelamat mengeluarkan mangsa yang terabit dalam kemalangan di Kilometer 4.5, Jalan Genting Highlands-Kuala Lumpur, pagi semalam.**

bantu siasatan.

"Siasatan awal mendapati bas itu hilang kawalan ketika melalui selekoh tajam dan laluan menuruni bukit menyebabkannya merempuh pembahagi jalan," katanya.

Siasatan polis juga mendapati syarikat bas ekspres itu mempunyai dokumen dan permit lengkap untuk beroperasi, namun bas berkenaan akan dihantar ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) untuk pemeriksaan.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting, V Raganathan, berkata pihaknya terpaksa memecahkan bahagian bumbung bas bagi mengeluarkan mangsa termasuk menarik mereka yang ter-



sepit di celah bumbung bas.

Kemalangan itu turut mendapat perhatian Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang menyampaikan ucapan takziah baginda menerusi

Ketua Polis Pahang, Datuk Shariuddin Abd Ghani kepada semua mangsa dan meminta supaya bersabar dengan kemalangan yang menimpa mereka.